



Ruj kami : KPM.400 – 3/2/2 (27)
Tarikh : 26 Ogos 2019

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

MAKLUMAN MENGENAI PERUBAHAN BORANG KUASA TETAP (AK52) BAGI URUSAN KUMPULAN WANG SEKOLAH

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan/ Puan, Bahagian Akaun telah menambahbaik Borang Kuasa Tetap (AK52) bagi sekolah-sekolah selaras dengan SPANM Bil. 6 Tahun 2018. Borang Kuasa Tetap (AK52) tersebut merangkumi kebenaran menandatangani cek (AK52(Cek)) serta capaian sistem perbankan internet (AK52(IB)) – bagi sekolah rintis yang menggunakan medium *Electronic Fund Transfer* (EFT).

3. **Borang Kuasa Tetap (AK52) yang sedia ada masih terpakai bagi sekolah-sekolah yang tidak mengalami apa-apa perubahan bagi kebenaran menandatangani cek atau capaian sistem perbankan internet. Sekiranya terdapat pertukaran pegawai yang bertanggungjawab mengesah dan menunaikan cek/EFT, pihak sekolah perlu menggunakan Borang Kuasa Tetap (AK52) yang baharu.**

4. Penggunaan Borang Kuasa Tetap (AK52) yang baharu di peringkat sekolah akan bermula dari tarikh surat ini dikeluarkan.


5. Bersama-sama ini disertakan Borang Kuasa Tetap (AK52) yang baharu seperti di **Lampiran**. Bahagian Akaun memohon kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian-Bahagian yang terlibat untuk memaklumkan perubahan yang berlaku kepada sekolah-sekolah di bawah seliaan pihak Jabatan dan Bahagian masing-masing.

6. Kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(**NASRAN BIN OMAR** C.A. (M))
Ketua Akauntan
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
- 1) Setiausaha Bahagian
Bahagian Audit Sekolah
 - 2) Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
 - 3) Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
 - 4) Pengarah
JANM Negeri/ Cawangan

KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS KEPADA PEGAWAI DI SEKOLAH

BORANG AK52 KUASA TETAP (CEK)

KEPADA:

TARIKH:

1. **NAMA AKAUN** :
2. **NO. AKAUN** :
3. **Kumpulan Wang:** Kerajaan / SUWA / Asrama (Potong mana tidak berkenaan)
4. Kebenaran adalah diberikan kepada :-

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. KAD PENGENALAN	JAWATAN	CONTOH TANDANTANGAN

5. Semua kebenaran sebelum ini adalah dibatalkan.

Pegawai Yang Mengesahkan :

Perakuan Jabatan Pendidikan Negeri/Ketua Pusat
Tanggungjawab :

.....
Tandatangan Pengurus Sekolah

.....
Tandatangan Pegawai JPN/KPTJ

(Cap Rasmi Jawatan & Cap Rasmi Sekolah)

(Cap Rasmi Jawatan & Cap Rasmi Jabatan)

**Kelulusan Akauntan Negara Malaysia (Pejabat
Perakaunan)**

Rujukan :

Tarikh :

.....
Tandatangan

(Cap Rasmi Jawatan)

Nota: i) Borang AK 52 lima salinan sahaja
ii) Guna helaian lain jika tidak mencukupi

Untuk menguruskan kira-kira di atas seperti yang ditentukan di bawah :

- i) Seseorang pegawai hanya dibenarkan menandatangani satu penandatangan sahaja di atas satu-satu cek.
- ii) Cek- cek yang kurang daripada RM10,000 hendaklah diluluskan oleh 2 orang pegawai seperti di atas iaitu (a) dan (b), (c) atau (d) untuk menggantikan (b).
- iii) Cek-cek yang berjumlah RM10,000 ke atas hendaklah diluluskan oleh 3 orang pegawai seperti di atas iaitu (a) dan (b) dan (c) atau (a)+(b)+(d) atau (a)+(c)+(d).
- iv) Dalam keadaan tertentu, cek boleh diluluskan oleh (b) bagi menggantikan (a), sekiranya ada surat kuasa.

KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS KEPADA PEGAWAI DI SEKOLAH

BORANG AK52 KUASA TETAP (CAPAIAN SISTEM PERBANKAN INTERNET (IB))

KEPADA:

TARIKH:

1. **NAMA AKAUN** :
2. **NO. AKAUN** :
3. **Kumpulan Wang:** Kerajaan / SUWA / Asrama (Potong mana tidak berkenaan)
4. Kebenaran adalah diberikan kepada :-

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. KAD PENGENALAN	JAWATAN	PERANAN

5. Semua kebenaran sebelum ini adalah dibatalkan.

Pegawai Yang Mengesahkan :

Perakuan Jabatan Pendidikan Negeri/Ketua Pusat
Tanggungjawab :

.....
Tandatangan Pengurus Sekolah

.....
Tandatangan Pegawai JPN/KPTJ

(Cap Rasmi Jawatan & Cap Rasmi Sekolah)

(Cap Rasmi Jawatan & Cap Rasmi Jabatan)

Kelulusan Akauntan Negara Malaysia (Pejabat Perakaunan)

Rujukan :

Tarikh :

.....
Tandatangan

(Cap Rasmi Jawatan)

Nota: i) Borang AK 52 lima salinan sahaja
ii) Guna helaian lain jika tidak mencukupi

Untuk menguruskan kira-kira di atas seperti yang ditentukan di bawah :

- i) Bayaran yang kurang daripada RM10,000 hendaklah diluluskan oleh 2 orang pegawai seperti di atas iaitu (a) dan (b), (c) atau (d) untuk menggantikan (b).
- ii) Bayaran yang berjumlah RM10,000 ke atas hendaklah diluluskan oleh 3 orang pegawai seperti di atas iaitu (a) dan (b) dan (c) atau (a)+(b)+(d) atau (a)+(c)+(d).
- iii) Dalam keadaan tertentu, bayaran boleh diluluskan oleh (b) bagi menggantikan (a), sekiranya ada surat kuasa.